

REQUEST FOR PROPOSAL

CADANGAN PENSWASTAAN PROJEK LEBUHRAYA KORIDOR UTARA SECARA KERJASAMA AWAM SWASTA

UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA JABATAN PERDANA MENTERI

Syarikat yang berdaftar di Malaysia, termasuk usaha sama dan konsortium yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang berkaitan dijemput untuk menyertai *Request for Proposal* (RFP) ini seperti berikut:

SESI TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK			DOKUMEN RFP
<u>SESI TAKLIMAT:</u> Tarikh: 16 Mac 2023 Masa: 8.30 pagi Tempat: NCIA Perlis Office, Ground Floor, Bangunan CVIA-IBC, Jalan Ulu Pauh – Padang Besar, Chuping, Mukim Titi Tinggi, 02100 Padang Besar, Perlis			<u>TARIKH DAN TEMPAT PEMBELIAN:</u> 23 Mac 2023 (Khamis) hingga 31 Mac 2023 (Jumaat)
<u>LAWATAN TAPAK:</u>			Isnin – Khamis 9.00 pagi – 12.00 tengah hari 2.00 petang – 3.30 petang
Tarikh	Masa	Tempat	Jumaat 9.00 pagi – 12.00 tengah hari 3.00 petang – 3.30 petang
16/03/2023	11.00 pagi	Chuping Interchange, Perlis	<u>HARGA:</u> RM10,000.00 (Tidak dikembalikan)
16/03/2023	3.30 petang	Taman Tunku Sarina, Bandar Darulaman, Jitra, Kedah	
17/03/2023	9.00 pagi	Kawasan Perindustrian Batu Kawan, Bandar Cassia, Penang	
	11.00 pagi	Tapak Cadangan Exit WCE Changkat Jering, Perak	
Pembida hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan diakreditasi sebagai kontraktor Gred G7. Kehadiran ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah <u>DIWAJIBKAN</u> dan pembida hendaklah diwakili oleh pegawai yang berjawatan tidak rendah daripada pengarah syarikat. Hanya pegawai yang namanya dinyatakan dalam perakuan pemerbadanan syarikat dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak tersebut dengan membawa salinan perakuan pemerbadanan dan meterai perbadanan syarikat.			Kegagalan syarikat menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak serta mengemukakan slip kehadiran bagi kedua-dua sesi taklimat dan lawatan tapak akan menyebabkan syarikat tersebut hilang kelayakan untuk membeli dokumen RFP dan menyertai RFP ini.

Bayaran dokumen RFP adalah dalam bentuk bank draf atas nama “**AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-JPM-T**” dan urusan pembelian hendaklah dibuat di alamat berikut:

**Seksyen Khidmat Pengurusan
Unit Kerjasama Awam Swasta
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Blok Menara, Menara Usahawan
Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA**

Maklumat berhubung dengan syarat-syarat RFP ini dijelaskan dengan lebih lanjut dalam dokumen RFP. Semua cadangan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Aras 10, Blok Menara, Menara Usahawan **selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari, 25 OKTOBER 2023**. Cadangan yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Kerajaan tidak akan bertanggung ke atas apa-apa jua kos dan perbelanjaan yang dibuat oleh pembida bagi menyertai RFP ini.